



MOHAMAD NUR IRFAN BIN MAT NOOR

Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan
Universiti Sains Malaysia
11800 Pulau Pinang
No Matrik : 142591

nurirfan@student.usm.my & nurirfan981010@gmail.com
012-9909301

Irfan mendapat pendidikan di Tadika Kemas, Kota Bharu, Kelantan; SK Kota Jembal, Kota Bharu, Kelantan; SMK Salor, Pasir Mas, Kelantan; SMK Kubang Kerian, Kota Bharu, Kelantan; dan Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Irfan gemar melayari internet untuk menonton video, bermain permainan video dan mendengar musik ketika mempunyai kelapangan waktu ketika itu. Selain itu, Irfan merupakan peminat tegar rancangan animasi Japan atau Anime, seperti One Piece, Naruto, Bofuri, Kuma Kuma Bear dan sebagainya. Irfan juga dikenali dengan nama pendek 'Ipe', khususnya dalam kalangan teman rapat dan keluarganya.

Kata kunci: lanskap linguistik, komunikasi persilangan budaya (Cross-Cultural Communication (Holmes, 2013)), kesalahfahaman (Miscommunication (Holmes, 2013))

KOMUNIKASI PERSILANGAN BUDAYA DALAM BERITA DI *HARIAN METRO*

MOHAMAD NUR IRFAN BIN MAT NOOR

Pada 18 Januari 2021, Ipe dikejutkan dengan pemberitahuan di dalam Telegram milik Ipe berkenaan dengan projek anekdot CO3. Selepas Ipe menelaah dan mengenalpasti setiap inci arahan yang diberikan di dalam arahan rubrik tersebut. Ipe mula membelek ebuku Holmes (2013) untuk mencari skop anekdot yang bersesuaian. Akhirnya, Ipe menemui satu skop yang menarik iaitu komunikasi persilangan budaya.

Ipe terus menaip perkataan ‘akhbar persilangan budaya’ di dalam ruangan carian ‘Google’ selepas skop anekdot ditemui oleh Ipe. Hasil pencarian ‘Google’, Ipe dapati satu data yang cukup menarik yang bersesuaian dengan skop komunikasi persilangan budaya. Data yang ditemukan dalam berita di *Harian Metro* bertajuk ‘Fahami Budaya Berbeza’ (Fazurawati Che Lah, 2018). Data ini membahaskan tentang Program Silang Budaya melalui aktiviti mobiliti di universiti yang banyak memberikan impak menerusi program berkenaan kerana penganjurannya dibuat untuk mencedok budaya positif masyarakat lain untuk dipraktikkan.

Ipe meneliti Holmes (2013) dan menemui istilah ‘Cross-Cultural Communication’ yang ditulis oleh Holmes. ‘Cross-Cultural Communication’ ialah bidang kajian yang melihat bagaimana orang dari pelbagai latar belakang budaya berkomunikasi, dengan cara yang serupa dan berbeza di antara mereka, dan bagaimana mereka berusaha untuk berkomunikasi di seluruh budaya.

Penemuan istilah ‘Cross-Cultural Communication’ yang ditulis oleh Holmes, Ipe mendapati di dalam data yang ditemukan dalam berita di *Harian Metro* bertajuk ‘Fahami Budaya Berbeza’ bahawa Program Silang Budaya sangat penting bagi penuntut untuk saling memahami budaya kaum-kaum yang berbeza di Malaysia. Menurut Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FTKEE), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) Prof Madya Mohd Rahimi Yusoff berkata “Penguasaan bahasa daripada kaum yang berlainan melalui Program Silang Budaya juga boleh mengurangkan masalah komunikasi dan seterusnya mengukuhkan masyarakat Malaysia lebih harmoni”. Sesuai yang diperkatakan oleh Holmes sesiapa sahaja yang telah melakukan perjalanan keluar komuniti pertuturan mereka sendiri mempunyai beberapa pengalaman ‘miscommunication’ berdasarkan perbezaan budaya.

Christina encountered a cross-cultural communication problem on returning to her own native culture. The potential areas of misunderstanding are even greater when we venture into new cultures. Anyone who has travelled outside their own speech community is likely to have had some experience of miscommunication based on cultural differences.

(Holmes, 2013: 292)

Selain itu, Prof Madya Mohd Rahimi Yusoff juga berkata “Perbezaan sikap dan budaya akan menyebabkan berlaku banyak salah faham yang akhirnya boleh meruntuhkan ‘ekosistem’ baik yang ada di IPT”. Jadi, dengan adanya Program Silang Budaya penuntut yang terlibat dapat membiasakan diri untuk bergaul dan memahami budaya berbeza akan mendapati lebih banyak perkara baru yang dipelajari daripada itu. Holmes juga memperkatakan bahawa perbezaan antara budaya dalam peraturan interaksi sopan berpotensi menimbulkan masalah besar seperti salah tafsiran.

This is an example where cross-cultural differences in the rules of polite interaction have the potential to cause grave difficulties for the Samoan child in a New Zealand school. Non-verbal messages are particularly powerful, but also particularly vulnerable to misinterpretation.

(Holmes, 2013: 299)

Berdasarkan pengalaman diri sendiri, masalah komunikasi persilangan budaya yang dilalui oleh Ipe adalah semasa masuk ke rantau alam universiti. Hal ini demikian kerana Ipe yang berasal daripada negeri Kelantan dengan persekitaran komunikasi dialek Kelantan mempunyai masalah dalam komunikasi semasa pertama kali menjejak kaki di universiti. Sebagai contoh, Ipe yang menggunakan dialek Kelantan berusaha bertutur dalam bahasa Melayu standard ketika berkomunikasi dengan rakan-rakan Ipe. Begitu juga rakan-rakan Ipe yang berlainan negeri yang mempunyai budaya komunikasi yang berbeza dengan Ipe berusaha untuk bertutur dalam bahasa Melayu standard kerana ingin mengelakkan kesalahfahaman komunikasi atau 'miscommunication'.

Jika diperhatikan dalam linguistik tentang komunikasi persilangan budaya bahawa kita perlu mengetahui dalam konteks budaya ini melibatkan tentang kesalahfahaman kepercayaan dan pergaulan sosial mereka. Sebagai penambahan dengan memfokuskan kepada strategi berbahasa secara positif yang boleh menimbulkan hubungan yang rapat iaitu penggunaan riak wajah yang sesuai dalam situasi.

Rasanya sampai disini saja Ipe berkongsi dalam anekdot ini tentang komunikasi persilangan budaya dan kesalahfahaman komunikasi. Sebagai akhir kata daripada Ipe, walaupun terdapat kesalahfahaman antara satu sama lain, perlulah kita mengetahui dan memahami budaya dan interaksi sosial mereka. Itu sahaja, sekian. Terima Kasih.



Gambar 1: Tajuk Akhbar dalam *Harian Metro*

Jumlah perkataan: 655

Rujukan:

Holmes, Janet. (2013). *Introduction to Sociolinguistics*, Fourth Edition. London & New York: Routledge.

Data:

Harian Metro. (2021). Fahami Budaya Berbeza. *Sinar Harian*, 23 Julai 2018. <https://www.hmetro.com.my/nuansa/2018/07/360794/fahami-budaya-berbeza>. Diakses pada 24 Januari 2021, 3.45 am.

RUBRIK PEMARKAHAN

BIL	KRITERIA PENILAIAN	PEMBERAT DARIPADA 100% MARKAH	LEMAH	SEDERHANA	BAIK	CEMERLANG	MARKAH MAKSIMUM
1	Tajuk menarik dan relevan dengan arahan dan hasil pembelajaran	5	Sudahlah terlalu umum; tidak menarik pula.	Menarik, tetapi terlampau umum.	Menarik dan spesifik.	Menarik, spesifik, unik, dan memberi gambaran hasil projek yang impresif	5
2	Data mencukupi dan relevan dengan arahan dan hasil pembelajaran	10	Tidak mencukupi.	Cukup tetapi mempunyai masalah dalam kesahihan data yang dikutip.	Cukup dan kesahihan data tidak boleh dipertikai.	Cukup, data yang sahih, relevan dan saling berhubungkait.	10
3	Organisasi teks	10	Tidak teratur.	Organisasi pembahagian idea, analisis, dan pembukaan-penutup kurang teratur dan kurang koheren.	Organisasi pembahagian idea, analisis, dan pembukaan-penutup teratur dan koheren.	Organisasi pembahagian idea, analisis, dan pembukaan-penutup tersangat teratur dan tersangat koheren.	10
4	Keilmiahan tahap analisis atau interpretasi data dengan menggunakan kerangka dari Holmes (2013)	20	Tiada analisis; hanya berbentuk deskriptif, serta tidak bersesuaian dengan kerangka Holmes (2013)	Analisis yang agak cetek serta agak bersesuaian dengan kerangka Holmes (2013)	Analisis yang sesuai dan mencukupi serta bersesuaian dengan kerangka Holmes (2013).	Analisis yang mendalam dengan penghujahan yang canggih dan seimbang serta sangat bersesuaian dengan kerangka Holmes (2013)	20
5	Daya tarikan persembahan	30	Langsung tiada daya tarikan!	Menarik tetapi organisasi bahan tidak kemas dan tidak teratur	Cukup menarik perhatian dengan organisasi bahan kemas dan teratur	Daya tarikan yang tinggi dengan organisasi bahan secara tersangat kemas dan tersangat teratur. Rasa hendak suruh menulis anekdot lain pula.	30
6	Format rujukan mengikut IPA	5	Tiada langsung sitasi.	Ada sitasi tetapi tidak lengkap; Beberapa sumber tiada sitasi.	Format sitasi dan rujukan yang baik, tetapi bilangan sumber kecil.	Format sitasi (<>in-text citation) dan rujukan yang tersangat Baik, konsisten serta ada bilangan sumber yang cukup dan sesuai.	5
7	Ketepatan ejaan dan struktur ayat serta perenggan mengikut nahu preskriptif bahasa Melayu	20	5 dan lebih kesalahan ejaan dan struktur	3 hingga 4 kesalahan ejaan dan struktur	1 hingga 2 kesalahan ejaan dan struktur	Tiada kesilapan ejaan dan struktur langsung	20
JUMLAH		100					100

Markah akan ditukar ke bentuk 10% oleh pengajar.